



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTAL LEARNING (ExCEL)
UKQE 3001 SECTION 12**

EXTRA-CURRICULAR ACTIVITY REFLECTION REPORT 1

PROGRAM: SUKFAS 2019

**DISEDIAKAN OLEH:
NOR AZLIA AZIERA BINTI ABD SHUKOR
A18SC0428**

**NAMA PENSYARAH:
ASSOC. PROF. DR. HAFANDI AHMAD (UPM)**

LINK E-PORTFOLIO:



REPORTING (MELAPORKAN)

- Diadakan pada 7 Disember 2019 dan dianjurkan oleh PESAT (Persatuan Sains dan Teknologi) dan SYMBIOSIS Fakulti Sains bertempat di padang Kolej 9 dan 10, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dimulakan dengan bacaan doa, ucapan alu-aluan dan perasmian seterusnya acara sukan dan permainan dijalankan.

RESPONDING (BERTINDAK BALAS)

- Terdapat beberapa pelajar lambat, menyebabkan pergerakan bas tertangguh.
- Ketika majlis penyampaian hadiah berlangsung, salah seorang pengacara majlis silap mengumumkan kategori acara menyebabkan pemenang tidak mendapat hadiah yang betul.
- Program berjalan dengan lancar dengan kerjasama dari semua pihak yang terlibat.

RELATING (MENGAITKAN)

- Program ini memberi pengalaman yang menarik kepada peserta dan ahli jawatankuasa.
- Struktur organisasi program ini sangat teratur, dimana jawatankuasa dibahagikan kepada beberapa unit yang mempunyai tugas tersendiri.

REASONING (MENAAKULKAN)

- Komunikasi antara pengarah dan ahli jawatankuasa program yang lain dalam sangat baik dan masalah kecil yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik.
- Ahli-ahli jawatankuasa yang telah dilantik melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa bekerjasama untuk merealisasikan program ini.

RECONSTRUCTING (MEMBINA SEMULA)

- Semangat kerjasama berkumpulan adalah perkara utama yang sentiasa dititik beratkan bagi menjayakan sesebuah program supaya tiada perselisihan faham berlaku.
- Ahli jawatankuasa yang dilantik perlu sentiasa peka dan mengemaskini gerak kerja kepada pengarah supaya tiada masalah komunikasi berlaku ketika program berlangsung.

Laporan Sukan Fakulti Sains 2019 (SUKFAS)

Pada 7 Disember 2019, SUKFAS 2019 telah diadakan oleh PESAT (Persatuan Sains dan Teknologi) dan SYMBIOSIS Fakulti Sains bertempat di padang Kolej 9 dan 10, Universiti Teknologi Malaysia. ‘Sukan Fakulti Sains’ atau SUKFAS adalah acara sukan tahunan yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia yang disertai oleh empat jabatan iaitu Jabatan Biosains, Jabatan Kimia, Jabatan Fizik dan Jabatan Sains Matematik. Acara Sukan tahunan ini bertujuan untuk membina ikatan silaturahim antara pelajar tahun Dua dan Tiga Fakulti Sains sebagai ahli jawatankuasa dan pelajar tahun satu Fakulti Sains sebagai peserta.

SUKFAS 2019 dimulakan dengan pendaftaran pelajar tahun satu bermula dari jam 8 pagi dan pelajar yang telah mendaftar akan dibekalkan dengan roti dan air mineral sebagai sarapan pagi. Tugas saya sebagai ahli jawatankuasa Unit Hadiah adalah memastikan hadiah dan cenderamata untuk para peserta dan dif-dif jemputan mencukupi dan tersusun mengikut kategori yang telah ditetapkan. Ucapan perasmian telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Abdull Rahim bin Hj. Mohd. Yusoff. Acara diteruskan dengan beberapa aktiviti pemanasan badan dan senamrobik yang dipimpin oleh pelajar-pelajar Sains Sukan. Aktiviti ini dapat mengurangkan kesakitan otot dan mengurangkan risiko kecederaan di kalangan peserta.

Kemudian, taklimat ringkas mengenai perjalanan acara dan aktiviti yang akan diadakan diterangkan kepada semua pelajar termasuk ahli jawatankuasa. Seterusnya, acara diteruskan dengan pelbagai permainan dan sukan seperti belon batik, ‘dodgeball’, tarik tali, bola jaring, futsal, eksplorasi dan banyak lagi. Aktiviti ini dapat

meningkatkan kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan kepimpinan di kalangan peserta. Terdapat beberapa gerai mini yang menyajikan pelbagai makanan ringan dan minuman untuk pelajar dan pensyarah dan dikendalikan oleh pelajar dari Fakulti Sains itu sendiri. SUKFAS 2019 diakhiri dengan upacara penutupan dan upacara penyampaian hadiah dengan menyaksikan Jabatan Matematik telah berjaya merangkul gelaran juara secara keseluruhannya dan Jabatan Biologi meraih tempat kedua, tempat ketiga pula dimenangi oleh Jabatan Fizik dan tempat keempat dimiliki oleh Jabatan Kimia. Bungkusan makanan tengah hari diedarkan kepada para pelajar untuk dibawa pulang. Para peserta diminta untuk tidak meninggalkan sebarang sampah untuk memastikan kawasan padang tersebut sentiasa bersih.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dijalankan mengikut tentatif dan objektif yang telah dirangka. Selaku ahli jawatankuasa Unit Hadiah, terdapat sedikit kekeliruan berlaku antara unit kami dan Unit Protokol di mana salah seorang pengacara majlis, telah tersilap mengumumkan kategori acara menyebabkan pemenang tidak mendapat hadiah yang betul. Hal ini tidak sepatutnya berlaku dan pengacara majlis itu sendiri perlulah peka dengan teks ucapannya kerana teks tersebut telah disusun mengikut aturan seiring dengan susunan hadiah. Tidak seperti program lain yang saya pernah kendali, pengacara majlis tersebut mungkin tidak membaca teks ucapannya sebelum mengumumkan pemenang di majlis penyampaian hadiah. Saya berharap agar perkara ini dapat diperbaiki dan bakal pengacara bagi program akan datang mestilah peka dan berlatih mengikut teks ucapan mereka beberapa hari sebelum program agar kekeliruan seperti ini tidak berlaku.


Semasa mengendalikan program ini, saya perhatikan struktur organisasi bagi program ini sangat teratur. Sama seperti program-program lain yang saya kendali sebelum ini, setiap unit mempunyai tugas tersendiri yang perlu dilaksanakan bersama-sama ketua unit dan dipantau oleh ahli jawatankuasa tertinggi seperti pengarah, setiausaha dan bendahari. Saya menyedari bahawa dengan adanya struktur organisasi yang teratur, komunikasi antara ahli jawatankuasa menjadi lebih efektif dan sifat kepimpinan dapat dipupuk dalam diri setiap ahli jawatankuasa. Ahli-ahli jawatankuasa yang telah dilantik melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa menunjukkan kerjasama yang sangat baik bagi merealisasikan program ini.

Semangat kerjasama berkumpulan adalah perkara utama yang sentiasa dititik beratkan bagi menjayakan sesebuah program supaya tiada perselisihan faham berlaku. Tambahan pula, program ini membantu saya meningkatkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan serta kemahiran kepimpinan. Ketiga-tiga kemahiran ini sangat penting untuk dilaksanakan dalam kehidupan sebenar kerana dapat membantu kita lebih yakin untuk bercakap atau bekerja di khalayak ramai dan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

Ahli jawatankuasa yang dilantik perlu sentiasa peka dengan tugas yang diberi dan mengemaskini gerak kerja kepada pengarah supaya tiada masalah komunikasi berlaku ketika program berlangsung. Setiap minggu sebelum berlangsungnya program ini, ahli jawatankuasa dari setiap unit akan diminta untuk membentangkan gerak kerja semasa di dalam mesyuarat mingguan bersama pengarah program. Semasa mengendalikan program ini, saya dapat belajar cara untuk mengurus atau mengatur acara formal. Perkara ini dapat membantu saya untuk memperbaiki cara membuat kertas

kerja yang sesuai dan formal pada masa akan datang. Seterusnya, melalui program ini juga membantu saya membina lebih banyak kepercayaan dan kesabaran semasa menyelesaikan sebarang masalah atau kekurangan kerana kita perlu bekerja sebagai satu kumpulan dan kadang-kadang kita tidak saling mengenali dengan baik.

BUKTI PENGLIBATAN



MEMORI SEPANJANG SUKFAS 2019



Sesi pendaftaran pelajar tahun satu Fakulti Sains



Senamrobik atau 'Zumba' sebagai aktiviti pemanasan badan sebelum memulakan acara sukan dan permainan.



Belon batik lelaki

Belon batik perempuan



Dodgeball perempuan

Dodgeball lelaki





Acara tarik tali kategori lelaki.



Acara tarik tali kategori perempuan.



Gambar kenangan bersama-sama rakan sekelas yang turut menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa SUKFAS 2019.



Gambar bersama semua ahli jawatankuasa SUKFAS 2019 dan penasihat program.